

MAHATHIR (BERNAMA EX)

1972  
ALOR SETAR, 8 MACH (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD HARI INI BERIKRAR BAHAWA BELIAU SANGGUP BERKHIDMAT DALAM MANA2 BADAN ATAU BIRO UMNO JIKA TENAGA-NYA DI-KEHENDAKI.

DR. MAHATHIR YANG TELAH DI-TERIMA MENJADI AHLI UMNO SEMULA SEMALAM SETELAH DI-PECHAT DARI MENJADI AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO BERKATA: +SAYA TIDAK MEMPUNYAI RANCANGAN YANG TERTENTU TETAPI BERSEDIA MEMBERI FIKIRAN DAN TANAGA DEMI KEBAIKAN DAN KEPENTINGAN PARTI.

+SAYA JUGA BERSEEDIA UNTOK PERGI KA-MANA2 SAHAJA DAN SAYA AKAN CHUBA MEMBERI SEGALA FIKIRAN DAN TENAGA UNTOK MENJAYAKAN PERJUANGAN UMNO, + KATA-NYA KAPADA BERNAMA.

DR. MAHATHIR YANG TELAH DI-PECHAT BULAN SEPTEMBER 1969 LALU MENJELASKAN BAHAWA BELIAU AKAN BERJUANG SEMULA DALAM UMNO MENERUSI CHAWANGAN KOTA SARANG SEMUT, CHAWANGAN YANG MULA2 SEKALI BELIAU MENJADI AHLI UMNO. -- BERSAMBONG 1800 HM

571:

MAHATHIR 2 ALOR SETAR (EX)

SEMENTARA ITU AHLI2 UMNO DARI BEBERAPA BUAH CHAWANGAN TELAH MENYAMBUK BAIK BERITA KEMASOKAN SEMULA DR. MAHATHIR DALAM UMNO DAN MEMUJI LANGKAH JAWATANKUASA DISIPLIN UMNO.

SETIAUSAHA UMNO BAHAGIAN KOTA SETAR PEKAN, ENCHE ABDUL RAZAK BIN HAMZAH, BERKATA DENGAN ADA-NYA SA-ORANG PEMIMPIN YANG BERKEBOLEHAN SAPERTI DR. MAHATHIR BELIAU YAKIN UMNO NEGERI KEDAH KHAS-NYA DAN UMNO MALAYSIA AM-NYA AKAN DAPAT SUMBANGAN2 FIKIRAN YANG BERGUNA LAGI MEMBENA DEMI KEBAIKAN DAN KEMAJUAN PARTI.

SETIAUSAHA UMNO BAHAGIAN SEBERANG PRAI TENGAH, ENCHE YUSOFF BIN SHAMSUDDIN, BERHARAP DR. MAHATHIR DAPAT MEMBERI SUMBANGAN FIKIRAN-NYA UNTOK MENJAYAKAN DASAR EKONOMI BARU KERAJAAN.

CHAWANGAN UMNO SUNGAI BAKAP MENISFATKAN DR. MAHATHIR SA-BAGAI SA-ORANG AHLI UMNO YANG BERKELEBAR.

KETUA UMNO CHAWANGAN ASSAM KUMBANG, HAJI ZAINAL ABIDIN BIN ALI, MENYATAKAN BAHAWA KEPUTUSAN YANG DI-BUAT OLEH JAWATANKUASA DISIPLIN ITU AKAN MEMAJUKAN PARTI ITU.

MENURUT-NYA, DR. MAHATHIR IA-LAH SA-ORANG YANG BERSEMANGAT PENOH DAN SANGAT2 DI-KEHENDAKI OLEH SELUROH ANGGOTA DAN AHLI UMNO.